






KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.
(453286-D)

UNIT INTEGRITI



	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

NOTIS PENAFIAN


Polisi ini adalah hak milik Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (“SATU”) dan telah disediakan untuk kegunaan eksklusif Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan staf SATU.

Polisi ini diadaptasi daripada Terengganu Inc. dan telah diubahsuai untuk kegunaan dalaman SATU.

PINDAAN

Pindaan terhadap polisi tertakluk kepada had kuasa yang dinyatakan dalam Had Kuasa SATU.


Diluluskan dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah SATU
pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Pengarah No. 3
(3/2025) yang diadakan pada 25 September 2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


REKOD PINDAAN

Halaman ini digunakan untuk mencatat setiap pindaan yang dibuat pada dokumen ini. Semua pindaan mesti direkodkan dengan betul. Unit Integriti (“UI”) SATU bertanggungjawab mengendalikan rekod ini.


No.	Halaman/ No. Bahagian	No. Semakan	Tarikh Kuat Kuasa	Penerangan	Tarikh Kelulusan
1	Muka depan & belakang	1	25/9/2025	Penukaran muka depan & belakang polisi yang baru.	25/9/2025
2	Halaman 1- 50	1	25/9/2025	Penukaran semua <i>header</i> polisi.	25/9/2025
3	Halaman 1, Notis Penafian	1	25/9/2025	Penambahan Ahli Lembaga Pengarah dan pemansuhan perenggan 3. Penggantian istilah “kakitangan” kepada “staf” untuk keseluruhan kod.	25/9/2025
4	Halaman 2, Rekod Pindaan	1	25/9/2025	Penukaran	25/9/2025
5	Halaman 3-4, Isi Kandungan	1	25/9/2025	Pindaan tajuk di bawah Seksyen 1, sub-seksyen 1.0 (“Permohonan dan Perlindungan” kepada “Pemakaian dan Skop”), Seksyen 2, sub-seksyen 3.0 (“Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran” kepada “Kesihatan, Keselamatan,	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


				dan Alam Sekitar”) serta pemansuhan sub-seksyen 1.0 di bawah Seksyen 6.	
6	Halaman 5, Mengenai Kod Ini	1	25/9/2025	Penambahan perkataan “rakan perniagaan” bagi memastikan pihak berkepentingan turut tertakluk di bawah COBE.	25/9/2025
7	Halaman 6, Definisi	1	25/9/2025	Penambahan definisi “staf” dan “ahli keluarga”, penukaran “Modal Insan” kepada “Seksyen Modal Insan/SMI”.	25/9/2025
8	Halaman 7, Singkatan	1	25/9/2025	Penukaran singkatan “HSE” kepada “HSSE”	25/9/2025
9	Halaman 8, Seksyen 1	1	25/9/2025	Penukaran tajuk sub-seksyen 1.0- “Permohonan dan Perlindungan” kepada “Pemakaian dan Skop” dan penambahan perincian dalam klausa 1.2 bagi menjelaskan skop rakan perniagaan dan pihak ketiga yang tertakluk di bawah kod.	25/9/2025
10	Halaman 9- 10, Seksyen 1	1	25/9/2025	Pindaan klausa 2.1 – penambahan istilah “pihak ketiga” dan penggantian	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


				istilah “kongsi” kepada “rakan perniagaan” untuk memperluaskan skop tanggungjawab, pemansuhan ayat rujukan nasihat Ketua Modal Insan/ Undang-Undang di dalam keseluruhan kod serta penambahbaikan ayat untuk memperkemas bahasa.	
11	Halaman 11, Seksyen 1	1	25/9/2025	Pemansuhan klausa 4.1 (h)	25/9/2025
12	Halaman 13, Seksyen 1	1	25/9/2025	Penukaran perkataan “Integriti & Governans” kepada singkatan “BIG” dan pindaan klausa 6.4 – saluran laporan kebimbangan dihadkan kepada BIG sahaja.	25/9/2025
13	Halaman 14-15, Seksyen 2	1	25/9/2025	Penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa.	25/9/2025
14	Halaman 16, Seksyen 2	1	25/9/2025	Pemansuhan ayat “berkenaan dengan Garis Panduan Kod Pakaian di Tempat Kerja (jika ada)” di	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


				dalam sub-seksyen 2.0 klausa 2.3.	
15	Halaman 17, Seksyen 2	1	25/9/2025	Pindaan tajuk sub-seksyen 3 “Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran kepada “Kesihatan, Keselamatan, dan Alam Sekitar”, penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa serta penambahan klausa 4.5 di bawah sub-seksyen 4.0	25/9/2025
16	Halaman 22, Seksyen 3	1	25/9/2025	Penambahan ayat pada Seksyen 1.0, klausa 1.4 “Sebarang tindakan pelupusan aset hendaklah merujuk kepada Prosedur Pelupusan Aset” bagi memastikan rujukan jelas kepada prosedur dalaman yang berkuat kuasa.	25/9/2025
17	Halaman 23, Seksyen 3	1	25/9/2025	Penambahan klausa larangan akses maklumat tender bagi staf yang tidak terlibat di dalam sub-seksyen 2.0, klausa 2.2, penambahan frasa <i>atau apabila diminta oleh pihak yang diberi kuasa</i> serta	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


				penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa pada klausa 2.4.	
18	Halaman 26-28, Seksyen 3	1	25/9/2025	Penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa pada sub-seksyen 4.0, klausa 4.4 dan sub-seksyen 5, klausa 5.3 serta penambahan klausa 5.6-5.7 berkenaan akta siber.	25/9/2025
19	Halaman 31, Seksyen 4	1	25/9/2025	Pemansuhan frasa <i>pihak atasan anda atau KPE</i> ” serta laporan berkaitan rasuah kini dihadkan hanya kepada SPRM atau saluran Whistleblowing rasmi di bawah sub-seksyen 1.0, klausa 1.5.	25/9/2025
20	Halaman 32-34, Seksyen 4	1	25/9/2025	Penambahan “Pusat Khidmat Masyarakat” di bawah sub-seksyen 2.0, klausa 2.1,	25/9/2025
21	Halaman 33-34, Seksyen 4	1	25/9/2025	Penambahan frasa <i>sekiranya anda mengetahui atau mengesyaki bahawa pegawai kerajaan atau ahli keluarganya akan menjadi penerima manfaat atau boleh disalah tafsir sebagai</i>	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


				<i>rasuah</i> di dalam klausa 3.4, dan pemansuhan klausa 3.5 serta penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa di bawah sub-seksyen 3.0-4.0.	
22	Halaman 35, Seksyen 4	1	25/9/2025	Penambahan frasa “nilai tambahan seperti dapat menaikkan imej SATU” di sub-seksyen 5.0, klausa 5.3 dan “Rakan perniagaan perlu melengkapkan Vendor Integrity Checklist (VIC) sebagai salah satu kriteria untuk menjadi panel atau rakan perniagaan dengan SATU”.	25/9/2025
23	Halaman 36, Seksyen 4	1	25/9/2025	Penukaran ayat di bawah sub-seksyen 6.0, klausa 6.1 mengikut Polisi Tiada Hadiah, pemansuhan klausa 6.2-6.4 dan penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa.	25/9/2025
24	Halaman 37, Seksyen 5	1	25/9/2025	Pindaan klausa 1.3 di bawah sub-seksyen 1.0 - Pengarah dan staf tidak dibenarkan menjadi	25/9/2025

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

				<p>pengarah atau mempunyai syarikat sendiri yang menjadi panel atau vendor SATU. Manakala syarikat milik ahli keluarga Pengarah dan staf yang mempunyai kepentingan dalam perniagaan dalam berurusan dengan SATU, mereka hendaklah mengisytiharkan perkara ini dengan menggunakan Borang VCOI.</p>	
25	Halaman 40, Seksyen 5	1	25/9/2025	<p>Penambahan “masa bekerja” di dalam klausa 3.2 (c), sub-seksyen 3.0. Pindaan klausa 3.3 - penambahan pengecualian untuk Kumpulan TI.</p>	25/9/2025
26	Halaman 42, Seksyen 6	1	25/9/2025	<p>Pemansuhan sub-seksyen 1.0 dan klausa 1.1-1.2.</p>	25/9/2025
27	Halaman 43-44, Seksyen 6	1	25/9/2025	<p>Pemansuhan “Sila rujuk kepada Carta Keputusan di bawah dalam membuat keputusan untuk menyuarakan kebimbangan anda” dan carta di bawah sub-</p>	


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

				seksyen 2.0, klausa 2.2 dan 2.4	
28	Halaman 45, Seksyen 6	1	25/9/2025	Penambahbaikan ayat untuk memperkemas Bahasa di bawah sub-seksyen 3.0, klausa 3.1.	
29	Halaman 47- 49	1	25/9/2025	Penambahan nombor rujukan borang dan Penambahan frasa "(vendor atau panel SATU)"	


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

ISI KANDUNGAN

NOTIS PENAFIAN	1
PINDAAN	1
REKOD PINDAAN	2
ISI KANDUNGAN	10
MENGENAI KOD INI	12
DEFINISI	13
SINGKATAN	14
SEKSYEN 1: PENGENALAN	15
1.0 PEMAKAIAN DAN SKOP	15
2.0 PRINSIP AM KOD INI	16
3.0 PEMAKAIAN	17
4.0 TANGGUNGJAWAB AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN	18
5.0 TANGGUNGJAWAB STAF	19
6.0 PELANGGARAN KOD INI	20
SEKSYEN 2: WARGA SATU	21
1.0 BUDAYA DAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA	21
2.0 KOD PAKAIAN	23
3.0 KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR	23
4.0 ALKOHOL, DADAH DAN PERJUDIAN	24
5.0 GANGGUAN SEKSUAL	25
6.0 GANGGUAN DAN BULI	27
7.0 HUBUNGAN TEMPAT KERJA BUKAN PROFESIONAL	28
SEKSYEN 3: SYARIKAT KAMI	29
1.0 MELINDUNGI ASET SYARIKAT	29
2.0 PENGGUNAAN MAKLUMAT	30
3.0 NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	32
4.0 REKOD PERNIAGAAN, OPERASI DAN KEWANGAN	33


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

5.0	TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN SISTEM	34
6.0	HARTA INTELEK.....	36
SEKSYEN 4: PIHAK KETIGA, KERAJAAN DAN KOMUNITI		37
1.0	ANTI-RASUAH DAN KORUPSI.....	37
2.0	SUMBANGAN DAN AKTIVITI POLITIK.....	39
3.0	BERURUSAN DENGAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN	40
4.0	BEKERJA DENGAN KOMUNITI TEMPATAN.....	41
5.0	BERURUSAN DENGAN RAKAN PERNIAGAAN	42
6.0	HADIAH DAN KERAJIAN.....	43
SEKSYEN 5: KONFLIK KEPENTINGAN		44
1.0	MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN	44
2.0	AKTIVITI PELABURAN.....	46
3.0	PEKERJAAN LUAR DAN JAWATAN PENGARAH.....	47
SEKSYEN 6: PENTADBIRAN COBE		49
1.0	PELAPORAN.....	49
2.0	PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING).....	50
3.0	TINDAKAN TATATERTIB.....	51
LAMPIRAN I: PENERIMAAN DAN PENGAKUAN COBE.....		52
LAMPIRAN II: BORANG PENGISYTIHARAN		53

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025


MENGENAI KOD INI

- a. Kod Etika Perniagaan ("Kod" atau "COBE") ini terpakai kepada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. ("SATU").
- b. Kod ini terpakai kepada semua Pengarah dan staf SATU dan mana-mana rakan perniagaan dan pihak ketiga yang berurusan dengan SATU. Standard etika yang ditetapkan dalam Kod ini akan digunakan sebagai rujukan dan garis panduan umum dan tidak bertujuan untuk menggantikan sebarang keperluan undang-undang atau peraturan yang berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- c. Pematuhan Kod ini adalah wajib. Sebarang ketidakpatuhan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Sekiranya tiada polisi bertulis atau apabila ragu-ragu, sila rujuk pihak berkuasa yang berkenaan seperti Ketua Modal Insan, Undang-undang, Integriti & Governans. Walaupun sesuatu perkara tidak ada dalam mana-mana polisi, ia tidak menunjukkan bahawa sesuatu tindakan itu dibenarkan atau dilarang.
- d. Kod ini akan disemak semula setiap dua tahun sekali; atau apabila diperlukan atau apabila berlaku perubahan besar. Sekiranya berlaku sebarang perubahan, perubahan hendaklah dimaklumkan melalui pengeluaran memorandum dalaman.
- e. Penyiapan dan semakan Kod ini memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah SATU.
- f. Apabila diperlukan oleh SATU, semua Pengarah dan staf dikehendaki menyerahkan versi yang ditandatangani seperti berikut:
 - i) Borang resit dan pengakuan COBE
 - ii) Borang pengisytiharan
- g. Sekiranya memerlukan sebarang penjelasan, adalah menjadi tanggungjawab staf untuk berunding dengan penyelia terdekat dan/atau Ketua Modal Insan, Undang-undang atau Unit Integriti (UI).

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


DEFINISI

- a. Rujukan kepada "anda" dalam Kod ini merujuk kepada mana-mana orang yang mana Kod ini terpakai. Di mana rujukan yang lebih khusus digunakan seperti "Pengarah" atau "staf", rujukan yang lebih spesifik terpakai.
- b. Bagi maksud Kod ini, istilah "Staf" bermaksud mana-mana orang yang bekerja di SATU termasuk tetapi tidak terhadap kepada pihak pengurusan, staf tetap, kontrak, eksekutif, bukan eksekutif, dan individu yang diambil secara langsung.
- c. Untuk tujuan Kod ini, istilah "ahli keluarga" (termasuk kandung, tiri dan angkat) bermaksud suami atau isteri, ibu bapa, anak, anak saudara, adik-beradik, adik-beradik kepada suami atau isteri serta pasangannya, suami atau isteri kepada adik-beradik, adik-beradik ibu atau bapa serta pasangannya, datuk, nenek, ibu bapa mertua, menantu, serta sepupu.
- d. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkara berikut hendaklah terpakai:
 - i. "Syarikat" merujuk kepada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.;
 - ii. "SATU" Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.;
 - iii. "Lembaga" merujuk kepada Lembaga Pengarah Syarikat;
 - iv. "SMI" merujuk kepada Sekyen Modal Insan SATU.
 - v. "Pengurusan" merujuk kepada mereka melaksanakan tugas menguruskan fungsi tertentu Syarikat (cth. KPE, Pengurus Besar Kanan, Pengurus Besar, Pengurus Kanan, Pengurus Daerah, Pengurus Sekyen, dll).

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

SINGKATAN


COBE ATAU KOD	:	Kod Etika Perniagaan
HSSE	:	Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar
KPE	:	Ketua Pegawai Eksekutif
KB	:	Ketua Bahagian
SPRM	:	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
PDPA	:	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
SATU	:	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

SEKSYEN 1: PENGENALAN


1.0 PEMAKAIAN DAN SKOP

- 1.1 Kod Etika Perniagaan SATU ("Kod" atau "COBE") ini bertujuan untuk digunapakai kepada semua staf SATU. Ia juga bertujuan untuk digunakan kepada setiap Pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif), kecuali seperti yang dinyatakan sebaliknya dalam Kod ini. SATU mengharapkan mana-mana rakan perniagaan atau pihak ketiga yang mempunyai hubungan perniagaan atau berurusan dengan SATU untuk mematuhiya semasa melaksanakan kerja atau perkhidmatan mereka.
- 1.2 Rakan perniagaan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggan, pembekal luar, kontraktor, sub-kontraktor, vendor, konsultan, ejen, agensi kewangan atau mana-mana pihak yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak SATU atau mempunyai kepentingan dengan SATU. Manakala pihak ketiga adalah seseorang atau badan yang tidak mempunyai hubungan rasmi dan perniagaan dengan SATU seperti masyarakat awam, komuniti, badan kahli kebajikan, persatuan, kelab atau mana-mana pihak yang tidak dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/ bagi pihak SATU.
- 1.3 Kegagalan untuk mematuhi prinsip dan standard berkaitan yang ditetapkan dalam Kod ini boleh mengakibatkan penamatan hubungan dengan pihak yang tidak mematuhi dan boleh membawa kepada akibat buruk yang lain.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


2.0 PRINSIP AM KOD INI

- 2.1 Kod ini menjelaskan bagaimana anda harus berkelakuan sebagai wakil SATU. Kod ini juga membincangkan tanggungjawab anda kepada SATU, antara satu sama lain, kepada rakan perniagaan, pihak ketiga, kerajaan, rakyat, dan juga kepada diri sendiri.
- 2.2 Kod ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan polisi dan prosedur SATU yang lain, dan akta yang berkenaan, undang-undang, peraturan dan undang-undang yang berkenaan dengan penuh integriti dan kejujuran dalam semua perkara dan situasi.
- 2.3 Kod ini cuba menangani situasi yang mungkin akan anda hadapi mengenai isu undang-undang dan etika. Walau bagaimanapun, Kod ini tidak menangani setiap situasi yang mungkin berlaku. Anda wajib membiasakan diri dengannya dan mematuhi semua polisi, prosedur, undang-undang dan peraturan yang terpakai di negara tempat SATU beroperasi.
- 2.4 Kod ini mentadbir amalan perniagaan dan proses dalam membuat keputusan di SATU. Oleh itu, semua polisi, prosedur dan amalan setempat yang berkenaan dalam SATU hendaklah mematuhi Kod ini. Sekiranya terdapat kekeliruan atau konflik antara Kod ini dan polisi dan prosedur SATU, Kod ini akan diguna pakai, dan polisi serta prosedur SATU akan disemak semula untuk memastikan pematuhan terhadap Kod ini. Walau bagaimanapun, dalam mana-mana kes ketidakselarasan antara Kod dengan peruntukan perundangan dan peraturan berkuatkuasa, undang-undang akan diguna pakai. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai mana-mana konflik ini, sila rujuk kepada UI.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


3.0 PEMAKAIAN

- 3.1 Kod ini akan terpakai kepada semua Pengarah dan staf SATU dan semua pihak yang mempunyai hubungan semasa atau yang berpotensi dengan SATU. Staf juga mesti mematuhi polisi dalaman lain, garis panduan, prosedur operasi standard dan undang-undang serta peraturan lain yang berkaitan yang mengawal aktiviti perniagaan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab setiap staf untuk mengakui dan mematuhi Kod ini, kegagalan berbuat demikian akan dianggap sebagai tindakan salah laku.
- 3.2 Tidak kira bila atau di mana, sama ada di luar waktu bekerja atau tempat kerja, staf mesti mematuhi semua undang-undang, undang-undang dan peraturan yang terpakai, dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti tidak bermoral atau apa-apa aktiviti yang boleh mejejaskan imej SATU.
- 3.3 SATU percaya bahawa setiap staf adalah model atau duta yang melambangkan syarikat tanpa mengira pekerjaan, jawatan, atau fungsi staf tersebut. Pemakaian Kod ini boleh menjadikan staf sebagai contoh teladan yang sangat baik, yang bekerja secara beretika dan dengan penuh integriti, kepada orang lain.
- 3.4 Pihak Pengurusan termasuk Pengarah bertanggungjawab untuk menjadi model peranan positif dalam setiap aspek dan membantu staf memahami dan mematuhi Kod ini pada setiap masa.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


4.0 TANGGUNGJAWAB AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN

- 4.1 Sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan bertanggungjawab terhadap tingkah laku yang beretika. SATU mengharapkan anda untuk sentiasa mencontohi tingkah laku yang sesuai. Anda hendaklah menjunjung semangat dan hasrat Kod ini, menunjukkan nilai-nilai teras sepanjang masa dan memimpin dengan penuh integriti. Ini bermakna anda perlu:
- (a) Memahami Kod ini dan dapat menyampaikan mesej dan kandungannya;
 - (b) Membantu staf lain memahami Kod ini serta polisi-polisi lain;
 - (c) Menunjukkan tingkah laku yang boleh dicontohi secara konsisten;
 - (d) Berfikiran terbuka dan memberi peluang kepada staf untuk membincangkan Kod ini dan masalah etika;
 - (e) Menggalakkan pekerja untuk bersuara mengenai sebarang salah laku etika tanpa rasa takut akan tindakan balas;
 - (f) Mengenali tingkah laku etika pekerja; dan
 - (g) Jangan sekali-kali menolak atau mengabaikan kebimbangan yang dikemukakan;
- 4.2 Tidak kira sama ada anda adalah sebahagian daripada Pengurusan atau tidak, anda hendaklah menyokong satu sama lain dalam menegakkan standard tingkah laku perniagaan yang tinggi dan boleh dibanggakan oleh kita semua.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


5.0 TANGGUNGJAWAB STAF

- 5.1 Staf dikehendaki memahami Kod ini dan mematuhi di mana sahaja mereka berada pada setiap masa. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bekerja dengan penuh integriti, rasa hormat, dan pertimbangan yang baik, dan tidak lupa untuk sentiasa mematuhi undang-undang. Semua staf hendaklah bertanggungjawab untuk:
- (a) Memahami sepenuhnya Kod ini dan mengetahui cara mengaksesnya, serta menerapkannya;
 - (b) Mengikuti peruntukan dan semangat undang-undang yang terpakai, undang-undang dan peraturan, semua polisi, garis panduan, serta prosedur SATU;
 - (c) Membangkitkan soalan dengan segera sekiranya ragu-ragu atau tidak pasti;
 - (d) Bersuara sekiranya berpendapat terdapat pelanggaran Kod ini, atau aktiviti atau tingkah laku yang berpotensi melanggar Kod ini; dan
 - (e) Bekerjasama dengan penyiasat dan pihak berkuasa.
- 5.2 Ini semua adalah tanggungjawab yang penting, dan semua staf mesti mengambilnya dengan serius. Kod ini tidak dapat merangkumi setiap senario yang mungkin anda temui, dan anda harus menggunakan pertimbangan yang baik untuk menentukan sama ada tindakan anda selaras dengan nilai teras SATU. Jika anda ragu-ragu, sila rujuk kepada UI.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

6.0 PELANGGARAN KOD INI

- 6.1 Setiap orang dalam SATU dipertanggungjawabkan atas tingkah laku mereka sendiri. Sebarang tindakan yang melanggar Kod ini mesti dilihat sebagai perkara yang serius dan hendaklah ditangani oleh pihak berkuasa yang berkaitan, contohnya Modal Insan, Undang-undang, UI, dll. Pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah, mengikut polisi dan prosedur operasi standard masing-masing, menentukan tindakan tatatertib dan pembetulan yang sewajarnya akan dikenakan.
- 6.2 Sesiapa sahaja dalam SATU yang didapati bersalah atau yang telah melanggar Kod ini akan dikenakan tindakan tatatertib yang mungkin termasuk pembayaran balik kerugian kewangan dan penamatan pekerjaan seperti yang diputuskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dalam SATU.
- 6.3 Sekiranya berlaku pelanggaran tertentu (cth. rasuah dan jenayah komersial) yang boleh mengakibatkan pendakwaan jenayah, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan, cth. Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 6.4 Anda mempunyai kewajipan untuk mengekalkan standard Kod ini. Jika anda menyedari atau mengesyaki sebarang tingkah laku yang membimbangkan anda, atau yang mungkin mewakili salah laku, bangkitkan isu itu dengan segera. Anda boleh mempertimbangkan untuk bercakap terlebih dahulu dengan UI. Aduan juga boleh dibuat melalui saluran Whistleblowing SATU yang selamat. Ini hendaklah dibaca bersama dengan Seksyen 6, Perkara No. 1 – Pelaporan.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

SEKSYEN 2: WARGA SATU

1.0 BUDAYA DAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA

1.1 SATU komited dalam memupuk persekitaran terangkum di mana setiap orang dilayan dengan hormat, amanah dan bemarkuah.

(a) Hormat.


i. Anda mestilah berurusan dengan pegawai atasan, rakan sekerja atau pihak berkepentingan luar dengan penuh rasa hormat, percaya, jujur dan bemarkuah.

(b) Peluang Sama Rata dan Tiada Diskriminasi.


i. SATU memberikan peluang yang sama rata kepada staf untuk memastikan keputusan yang dibuat berkaitan dengan pengambilan kerja adalah berdasarkan kelayakan, prestasi dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pekerjaan serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

ii. SATU menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman serta tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi. Ini bermakna anda tidak boleh mendiskriminasi seseorang atas dasar umur, jantina, bangsa, kecacatan, kerakyatan, agama, atau kecenderungan seksual kecuali jika terdapat undang-undang atau peruntukan khas yang secara jelas mengharuskan pemilihan mengikut kriteria tertentu.

(c) Gangguan dan Keganasan.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

-
- i. SATU melarang sebarang bentuk gangguan dan keganasan. Tindakan atau perilaku ini termasuk tetapi tidak terhad kepada komen menghina berkenaan jantina, ciri-ciri kaum atau etnik, perlakuan seksual tidak disenangi, penyebaran khabar angin berniat jahat dengan penggunaan e-mel, mel suara dan sebarang bentuk komunikasi lain yang digunakan untuk menghantar bahan-bahan berbentuk penghinaan atau diskriminasi.
- 1.2 SATU tidak akan bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi yang menyalahi undang-undang di tempat kerja. Anda mesti mematuhi undang-undang dalam bidang kuasa tempatan anda yang melarang diskriminasi di tempat kerja.
- 1.3 Staf tidak boleh terlibat atau melibatkan diri dalam sebarang perilaku atau aktiviti yang mungkin dikategorikan sebagai subversif atau melakukan sebarang kesalahan, jenayah atau sebaliknya yang boleh dihukum di bawah undang-undang mana-mana negara. Jika anda didapati bersalah oleh mahkamah atau didapati terlibat dalam aktiviti subversif atau melakukan kesalahan jenayah, anda akan diadili mengikut polisi dan prosedur SATU yang berkaitan dan boleh dipecat mengikut tatatertib.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

2.0 KOD PAKAIAN

- 2.1 Dalam mewakili SATU, para Pengarah dan staf hendaklah memastikan bahawa penampilan mereka mencerminkan profesionalisme yang diharapkan daripada mereka, termasuk mementingkan kebersihan diri dan dandanan yang bagus.
- 2.2 Semua Pengarah hendaklah berpakaian kemas, sesuai dan sopan semasa mesyuarat dan pada bila-bila masa apabila mereka mewakili SATU.
- 2.3 Semua staf hendaklah berpakaian kemas, sesuai dan sopan semasa waktu bekerja di pejabat. Semua staf harus mematuhi peraturan yang khusus mengenai pakaian yang mungkin ditetapkan di mana-mana negara sebagai tambahan kepada Kod ini yang terpakai kepada mereka atau sebaliknya ditubuhkan oleh SATU untuk tempat kerja. Ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan MPSM.
- 2.4 Ia adalah merupakan keperluan berterusan bagi semua staf untuk menampilkan imej profesional seperti imej perniagaan sewaktu bekerja. Pengurusan haruslah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan kod pakaian dan garis panduan pakaian di tempat kerja. Sekiranya staf mempunyai sebarang soalan mengenai perkara ini, ia perlu dibincangkan dengan pihak Pengurusan atau pegawai atasan terdekat, atau berunding dengan Modal Insan.

3.0 KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR


- 3.1 SATU komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat, selesa dan sihat untuk semua staf yang bekerja di fasilitinya serta meminimumkan kesan operasinya terhadap alam sekitar.
- 3.2 Semua staf, rakan perniagaan dan pihak ketiga yang berkaitan hendaklah mematuhi sepenuhnya semua keperluan, langkah keselamatan peraturan kerja dan prosedur operasi standard HSSE yang dinyatakan dalam manual, buku panduan dan / atau dokumen yang dikeluarkan oleh Syarikat.
- 3.3 Pengurusan hendaklah memastikan pengawasan dengan

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

memastikan semua dokumen ini disemak dan dikemas kini secara berkala mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).


4.0 ALKOHOL, DADAH DAN PERJUDIAN

- 4.1 SATU komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada penyalahgunaan alkohol dan dadah. Oleh itu, menggunakan atau berada di bawah pengaruh alkohol atau bahan terlarang semasa bekerja adalah dilarang sama sekali, serta merokok atau vape adalah dihadkan di kawasan yang ditetapkan.
- 4.2 Semua Pengarah dan staf juga bertanggungjawab terhadap pematuhan mereka terhadap undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- 4.3 Apa jua bentuk perjudian, termasuk membuat atau mengambil pertaruhan, bermain kad, sama ada untuk wang atau sebaliknya, adalah dilarang sama sekali di dalam SATU pada setiap masa.
- 4.4 Perjudian dalam talian yang menggunakan kemudahan pejabat SATU adalah dilarang sama sekali sepanjang masa.
- 4.5 Sebarang pelanggaran terhadap perkara di atas, boleh dikenakan tindakan tatatertib tidak terhad kepada penamatan kerja.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

5.0 GANGGUAN SEKSUAL

- 5.1 SATU komited untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat untuk semua stafnya bagi memastikan mereka dilindungi daripada semua bentuk gangguan seksual dan perlakuan seksual yang tidak disenangi.
- (a) Untuk tujuan Seksyen ini, "gangguan seksual" ditakrifkan sebagai sebarang tingkah laku yang tidak diingini bersifat seksual dalam bentuk gangguan secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal:
 - (b) yang mungkin, atas alasan yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai meletakkan syarat yang bersifat seksual pada pekerjaannya; atau yang mungkin, atas alasan yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai satu kesalahan atau penghinaan, atau ancaman, tetapi tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pekerjaannya.
- 5.2 Gangguan seksual di tempat kerja termasuk sebarang gangguan seksual yang berlaku ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab pekerjaan di dalam dan di luar tempat kerja.
- 5.3 Situasi di mana gangguan seksual tersebut mungkin berlaku termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Di tempat kerja;
 - (b) Di majlis sosial SATU;
 - (c) Sesi persidangan atau latihan berkaitan dengan pekerjaan;
 - (d) Semasa perjalanan dengan tugas;
 - (e) Melalui telefon; dan
 - (f) Melalui media elektronik.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

-
- 5.4 Gangguan seksual, perlakuan seksual yang tidak diinginkan akan dianggap sebagai salah laku, di mana pihak yang terlibat akan menjalani siasatan dalaman dan boleh membawa kepada pemecatan (atau, dalam kes pihak ketiga, penamatan hubungan perniagaan).
- 5.5 Sebarang aduan mengenai gangguan seksual boleh dibuat melalui e-mel, secara bertulis atau secara lisan kepada Modal Insan. Sekiranya anda berasa tidak selesa, anda boleh membuat laporan melalui saluran *Whistleblowing* yang selamat.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	


6.0 GANGGUAN DAN BULI

- 6.1 SATU tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan atau buli di tempat kerja. Gangguan adalah sebarang tingkah laku atau kelakuan yang tidak diingini, memalukan, menakutkan atau menyinggung perasaan. Buli ialah penderaan secara lisan, fizikal, sosial, atau psikologi oleh individu atau kumpulan.
- 6.2 Kedua-dua gangguan dan buli boleh datang dalam apa jua bentuk cth. tindakan fizikal, lisan dan bertulis, serta melalui imej dan video. Walaupun bentuknya pelbagai, kesemuanya boleh memberi kesan negatif kepada prestasi kerja dan persekitaran di tempat kerja.
- 6.3 Gangguan atau buli boleh berlaku tanpa ada niat untuk memudaratkan. Ini termasuk perbuatan seperti jenaka, gurauan atau pujian. Oleh itu, anda hendaklah beringat dan berhati-hati sebelum melakukan tindakan tersebut.
- 6.4 Anda tidak boleh keliru antara gangguan atau buli dengan komen yang produktif atau bimbingan mengenai pekerjaan, atau sebarang tingkah laku yang berkaitan dengan kerja yang bertujuan untuk penambahbaikan.
- 6.5 Sebarang aduan mengenai gangguan dan buli boleh dibuat melalui e-mel, secara bertulis atau secara lisan kepada Modal Insan. Sekiranya anda tidak selesa, anda boleh membuat laporan melalui saluran Whistleblowing yang selamat.

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
		NO. PINDAAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	TARIKH KUATKUASA	25 SEPTEMBER 2025
		MUKA SURAT	

7.0 HUBUNGAN TEMPAT KERJA BUKAN PROFESIONAL


- 7.1 Apabila anda mempunyai hubungan melebihi hubungan profesional dan persahabatan sosial, hubungan tersebut boleh mewujudkan konflik kepentingan serta pilih kasih atau berat sebelah yang sebenar atau dirasakan. Hubungan sedemikian juga boleh menjejaskan nilai-nilai teras, seperti rasa hormat dan kepercayaan di kalangan staf, dan kesan terhadap reputasi dan integriti SATU. Hubungan ini mewujudkan kemungkinan ketidakpuasan hati, ketidakharmonian dan kesukaran yang ketara bagi pihak-pihak yang berkenaan serta kepada rakan sekerja SATU yang lain. Dalam hal ini, hubungan sedemikian tidak digalakkan. Terma pekerjaan staf mungkin mengenakan syarat tambahan berkenaan dengan hubungan di tempat kerja.
- 7.2 Terdapat konflik kepentingan asas apabila anda berurusan dengan seseorang yang merupakan ahli keluarga anda atau dengan siapa anda berada dalam hubungan romantik atau intim. Walaupun anda bertindak dengan betul, hubungan anda mungkin dilihat sebagai mempengaruhi keputusan anda. Oleh itu, anda mesti mendedahkan mana-mana hubungan tersebut dan anda tidak boleh menyelia, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana pekerja yang anda mempunyai hubungan sedemikian tanpa kebenaran bertulis daripada Pengurusan anda (atau, dalam kes Pengarah, Lembaga Pengarah).

	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

SEKSYEN 3: SYARIKAT KAMI


1.0 MELINDUNGI ASET SYARIKAT

- 1.1 Aset SATU meliputi semua aset ketara dan tidak ketara yang dimiliki atau dipajak oleh SATU secara sah melalui pembelian, pemajakan, konsesi, geran dan lain-lain, atau mana-mana aset lain yang SATU mempunyai kewajipan kontrak untuk melindungi daripada kerugian atau kerosakan.
- 1.2 Aset SATU wujud dalam pelbagai bentuk, sama ada fizikal atau bukan fizikal, seperti kemudahan, peralatan, inventori, dana, IT, harta intelek, maklumat dan data, jenama dan reputasi, dll.
- 1.3 Menggunakan aset SATU bagi tujuan peribadi adalah dilarang sama sekali. Pada setiap masa, staf mesti menggunakan aset SATU hanya bagi tujuan yang ditetapkan dan mengikut cara yang sepatutnya, selaras dengan polisi dan prosedur SATU, serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan. SATU mempunyai hak untuk memantau atau, jika perlu, menghalang penggunaan mana-mana aset oleh staf bagi sebarang sebab, pada bila-bila masa, tertakluk kepada undang-undang yang terpakai.
- 1.4 Bekerja untuk SATU bermakna staf bertanggungjawab untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya bagi memastikan aset tersebut selamat daripada kecurian, penyelewengan, kerosakan atau penyalahgunaan. Ini termasuk melindunginya daripada kemusnahan, dilupuskan, dijual atau dipinjamkan atau dihadiahkan tanpa kebenaran. Sebarang tindakan pelupusan aset hendaklah merujuk kepada Prosedur Pelupusan Aset. Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, anda mungkin bertanggungjawab dan dihukum atas sebarang kehilangan atau kerosakan kepada aset SATU yang timbul daripada salah laku atau kecuaiannya anda atau tindakan cuai atau kerana tindakan yang tidak dibenarkan.


	UNIT INTEGRITI	NO. DOKUMEN	SATU/BIG/2022/4
		NO. KELUARAN	
	KOD ETIKA PERNIAGAAN (COBE)	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA MUKA SURAT	25 SEPTEMBER 2025

2.0 PENGGUNAAN MAKLUMAT

- 2.1 Maklumat sulit termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang maklumat mengenai segala-galanya daripada kontrak sehingga perancangan perniagaan, spesifikasi teknikal, dan maklumat staf, yang tidak boleh didedahkan atau tidak tersedia secara umum untuk akses orang awam dan maklumat proprietari (*proprietary information*) termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel, dokumen dan semua fail lain, elektronik atau sebaliknya, disunting dan/atau disimpan pada peralatan SATU dan dianggap sebagai hak milik eksklusif SATU.
